

Penyediaan untuk Ujian TTE

1. Pakai baju dan seluar yang boleh dipisahkan untuk memudahkan ujian.
2. Anda masih boleh mengambil ubat harian anda jika ada.
3. Makan dan minum seperti biasa sebelum ujian.

Apakah Risiko yang Mungkin?

Imbasan ultrabunyi seperti yang digunakan dalam ujian TTE adalah sangat selamat dan tidak mempunyai kesan sampingan yang diketahui. Ini merupakan bentuk imbasan ultrabunyi yang sama dengan yang biasanya digunakan untuk mengimbas bayi pada wanita hamil,bezanya hanya peralatan yang digunakan ini direka khas untuk mengimbas jantung.

Bilakah Boleh Saya Tahu Keputusannya?

Keputusan ujian TTE dan langkah rawatan anda yang seterusnya akan dibincangkan bersama doktor anda pada temu janji klinik yang akan datang.

TINGKAT 3 PUSAT PERUBATAN TTSH

- Pusat Jantung
- Klinik 3A (Kardiologi, Perkhidmatan Ambulatori Jantung, Gim Rehabilitasi Jantung)
- Klinik 3B (Atrium Jantung, Pusat Pengimejan Jantung)

TINGKAT 3 BLOK KECEMASAN (A&E)

- Makmal Jantung Invasif

NOMBOR TELEFON:


6537 7000 (Semua Temu Janji)



Scan the QR Code with your smart phone to access the information online or visit <https://www.ttsh.com.sg/Patients-and-Visitors/Medical-Services/Cardiology/Pages/default.aspx>

Jabatan
KARDIOLOGI

Ekokardiografi Transtoraks (TTE)



Apakah Ekokardiografi Transtoraks (TTE)?

Ekokardiografi Transtoraks (TTE) memeriksa struktur dan fungsi jantung. Ekokardiografi menggunakan ultrabunyi untuk mengesan pergerakan jantung dalam masa nyata dari arah yang berbeza dan merekodkan imej di komputer untuk analisis. Melalui imej-imej ini, kita boleh menilai sama ada:

1. Jantung mengepam secara normal
2. Saiz jantung adalah normal
3. 4 injap jantung berfungsi dengan baik
4. Terdapat masalah struktur yang lain, seperti terdapat lubang di dalam jantung

Apakah Tujuan Ujian TTE?

TTE biasanya digunakan untuk menilai keadaan dan fungsi otot jantung dalam kalangan pesakit yang mempunyai penyakit arteri koronari, terutamanya selepas mengalami serangan jantung. Ia sangat berguna untuk mengenal pasti punca desiran jantung, suatu bunyi darah luar biasa yang mengalir melalui jantung. Walaupun desiran tidak berbahaya, ia juga boleh menyatakan masalah di dalam jantung, seperti injap jantung yang bocor atau sempit.

Imbasan ini tidak membolehkan seseorang melihat saluran darah jantung, tetapi ia menunjukkan otot jantung yang mungkin rosak akibat serangan jantung atau keadaan jantung lain.

Pesakit dengan keadaan-keadaan berikut mungkin diminta untuk menjalani TTE untuk mengenal pasti keabnormalan yang mungkin menyebabkan simptom-simptom berikut:

- Sakit dada
- Sesak nafas
- Palpitasi jantung
- Penganan
- Elektrokardiogram (ECG) tidak normal
- Bayang jantung tidak normal pada X-ray dada

Apakah Yang Perlu Saya Jangkakan untuk TTE?

Ini merupakan ujian pesakit luar (tidak perlu tinggal di wad) yang dilakukan di Makmal Jantung Bukan Invasif. Ia biasanya mengambil masa kira-kira 30 hingga 40 minit. Anda akan dapat pulang ke rumah selepas ujian.


Sebelum Ujian

Untuk memudahkan prosedur, pesakit lelaki akan diminta untuk menanggalkan baju mereka. Pesakit wanita mungkin diminta untuk menukar kepada gaun khusus. Anda perlu berbaring pada badan sebelah kiri anda semasa ekokardiogram.

Semasa Ujian

Gel terlarut air digunakan di dada anda dan prob ultrabunyi, suatu alatan kecil dipegang tangan, diletakkan di atas gel di dada anda untuk merekodkan imej terbaik otot jantung. Imej-imej ini akan diambil dari pelbagai kawasan dada untuk memastikan semua bahagian jantung dapat dilihat. Anda akan terdengar suara "desus" dari semasa ke semasa. Ini merupakan salah satu cara mesin ultrabunyi mengekod corak aliran darah dalam jantung untuk dianalisis. Anda mungkin mengalami ketidakselesaan apabila prob ditekan kuat pada dada anda untuk mendapatkan imej yang lebih jelas. Wayar elektrokardiogram (ECG) juga akan dilekatkan pada anda untuk memantau degupan jantung dan untuk memadamkan imej-imej yang diambil kepada pelbagai bahagian yang berbeza setiap degupan jantung.

Bilik biasanya gelap untuk ujian TTE supaya gambar dapat dilihat tanpa silau lampu luaran.



TTE sedang dijalankan

Atas: Doppler aliran warna untuk menilai fungsi injap jantung.
Bawah: Doppler spektrum memeriksa kebocoran dalam injap trikuspid.

Imej 4 ruang/kamar jantung dari bahagian kiri dada